

11 AUG 1997

Mahathir-Bosnia

MALAYSIA TERUS KOMITED UNTUK BANTU BOSNIA DAN HERZEGOVINA

KUALA LUMPUR, 11 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Malaysia terus komited untuk membantu Bosnia dan Herzegovina dan mahu mengadakan perkongsian tulen dengan negara Balkan itu.

Beliau berkata Malaysia menyedari potensi negara itu dan merasa optimistik dengan adanya komitmen sebenar ke arah keamanan di kalangan semua pihak terlibat, ekonomi Bosnia dapat dipulih dan dibangunkan, struktur politik dapat dikembalikan dan kehidupan sosial diperkukuhkan.

"Kita berhasrat untuk bekerjasama ke arah pelaksanaan Perjanjian Damai Dayton dan pembinaan semula negara itu," katanya di majlis makan malam bagi meraikan lawatan pengerusi bersama majlis menteri-menteri Bosnia dan Herzegovina, Boro Botic dan Haris Silajdzic.

Perdana Menteri berkata Malaysia sekali lagi komited untuk menyumbang AS\$12 juta (AS\$1=RM2.60) bagi program pembinaan semula Bosnia tahun ini dan kaedah pengimbuhan dana dan projek-projek yang akan dilaksanakan sedang dalam perbincangan.

Katanya Malaysia juga berminat untuk bekerjasama dengan negara-negara lain di Bosnia dan Herzegovina dan telah membincangkan cadangan untuk mengadakan usaha tersebut secara tiga pihak atau empat pihak dengan beberapa negara tersebut.

"Kita rasa satu cara untuk mempercepatkan tahap pembinaan semula Bosnia dan Herzegovina ialah menggalakkan minat di kalangan banyak negara dalam projek-projek tertentu," katanya.

Sejak beberapa tahun, para usahawan Malaysia telah telah menimba pengalaman dan kepakaran dalam banyak bidang dan mereka boleh berkongsi dan sumber-sumber mereka dengan usahawan Bosnia bukan sahaja di Bosnia tetapi juga di Malaysia dan di negara-negara lain.

Dr Mahathir berkata Malaysia boleh menyumbang dalam bidang-bidang tertentu termasuk penswastaan, perdagangan dan galakan pelaburan dan perancangan ekonomi.

Katanya Malaysia bersedia untuk berkongsi pengalaman dalam pembangunan industri kecil dan sederhana dan mengambil bahagian dalam pembangunan infrastruktur dan dalam pembinaan semula kemudahan asas sedia ada dan pembinaan baru seperti lapangan terbang, lebuh raya dan loji tenaga.

Beberapa firma Malaysia juga mempunyai kepakaran dalam projek-projek yang dikenali di bawah tajaan Inisiatif Kerjasama Eropah Tenggara (SECI), katanya.

Meskipun jumlah perdagangan antara kedua-dua negara masih kecil, ia tidak seharusnya menjadi halangan, kata Dr Mahathir dan menambah kata masih terdapat peluang untuk berkembang memandangkan Bosnia dan Herzegovina mempunyai asas perindustrian yang kukuh kerana mempunyai kepakaran teknologi dan penduduk yang berkemahiran tinggi.

"Kita berharap Bosnia dan Herzegovina dapat menjadi salah satu rakan kongsi strategik bagi Malaysia di Eropah Selatan. Sebaliknya kami boleh menjadi saluran penting bagi produk Bosnia untuk memasuki pasaran yang lebih besar di Asia Timur," katanya.

Dr Mahathir juga berkata komitmen Malaysia kepada usaha mewujudkan keamanan di Bosnia dan Herzegovina tetap kuat dengan penyertaan berterusan kontinjen Malaysia (Malcon) dalam Pasukan Penstabil (SFOR) di bawah pimpinan NATO.

"Tentera kami akan terus berada di sana selagi mendapat mandat antarabangsa untuk berbuat demikian. Mereka berada di sana untuk memulihkan

keamanan dan perkhidmatan mereka bukan untuk kepentingan puak tertentu",
katanya. -- BERNAMA
ARA oba